

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 33 Tahun 3

September 1996

ISSN 0128-8431

## PERSEDIAAN AWAL MENYAMBUT PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN HARI RAYA AIDILFITRI 1997

Perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri 1997 akan disambut dari 7 hingga 10 Februari 1997. Tahun ini merupakan kali kedua perayaan-perayaan ini disambut hampir serentak. Permintaan terhadap barang-barang keperluan akan meningkat menjelang dan semasa perayaan ini disambut. Di waktu yang sama, permintaan ke atas pengangkutan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan lain juga akan meningkat untuk orang ramai membuat persiapan dan persediaan menyambut kedua-dua perayaan ini.

Tindakan memperkemas persediaan menyambut perayaan tahun 1997 ini adalah bertujuan untuk menentukan sebarang isu yang berbangkit dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Di antara isu-isu yang dijangka akan berbangkit ialah:

Peningkatan permintaan terhadap barang-barang keperluan perayaan; pemberhentian sementara pengeluaran dan pengedaran barang-barang, termasuk bahan-bahan petroleum; penutupan sementara premis-premis perniagaan; kenaikan harga barangan yang tidak menentu di pasaran; penutupan sementara stesen-stesen minyak kerana kekurangan pekerja dan masalah-masalah lain yang wujud berikutan percutian panjang oleh pihak pekerja.

Justeru itu, objektif persediaan yang diadakan ini adalah bertujuan untuk:

- Menentukan bekalan barang-barang keperluan perayaan adalah mencukupi dan harganya berpatutan.
- Menentukan para peniaga tidak menaikkan harga barangan tanpa sebab-sebab yang munasabah;
- Mendapatkan komitmen persatuan-persatuan peniaga bagi menasihati ahli-ahli mereka untuk menentukan bekalan barangan keperluan perayaan sentiasa mencukupi dan harganya tidak

*Pihak swasta perlu lebih terbuka dan memainkan 'social obligation' mereka dalam membantu Kerajaan melaksanakan persediaan menyambut musim perayaan ini*



**YB. Dato' Hj. Abu Hassan  
Hj. Omar**

dinaikkan sewenang-wenangnya;

- Mencegah penyelewengan dan amalan perniagaan yang tidak beretika;
- Mendapatkan kerjasama projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu bagi menentukan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya di musim perayaan ini;
- Mendapatkan kerjasama persatuan pengusaha bank perniagaan bagi mengadakan kemudahan untuk membolehkan ahli-ahli PDAM dan pihak-pihak lain seperti pengusaha kedai makanan mendepositkan wang di musim perayaan;
- Mendapatkan kerjasama persatuan pengusaha woksyp bagi mengadakan kemudahan baikpulih dan rondaan untuk menangani kerosakan kenderaan khususnya di lebu-lebuhraya; dan
- Mendapatkan kerjasama Jabatan Polis Di Raja Malaysia bagi meningkatkan pengawasan dan rondaan di stesen-stesen minyak.

Kajian ke atas persediaan musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri 1996 yang lalu, mendapati tidak banyak masalah bekalan dan harga berbangkit. Bagaimanapun, Kementerian telah mengesan beberapa masalah sampingan yang perlu ditangani untuk perayaan

Bersambung ke hal. 8

# KEMENTERIAN DAPAT KSU BARU

Mulai 1 Oktober 1996, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) mendapat Ketua Setiausaha (KSU) baru, iaitu Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim. Beliau menggantikan Datuk Samsudin Osman yang bertukar ke Kementerian Dalam Negeri sebagai KSU. Dilahirkan di Pulau Pinang pada Mac 1945. Mendapat pendidikan awal di Francis Light School dan di peringkat menengah di Malay College Kuala Kangsar. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) di Universiti Malaya pada tahun 1968. Hingga kini, beliau telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia selama 28 tahun mulai di Kementerian Kewangan (1968 - 1978); Kementerian Pertahanan (1978 - 1980); Ketua Pengarah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1980 - 1989); Pegawai Kewangan Negeri Perak (1989 - 1990); Pengarah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (1991 - 1994) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (1994 - 1996).

Semasa di Kementerian Kewangan, beliau telah dipinjamkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1973 - 1974 ke Preparatory Secretariat For The Establishment Of Islamic Development Bank di Jeddah. Semua negara Islam di dunia, termasuk Malaysia menjadi pemegang saham dalam Bank ini.

Apabila memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, beliau bersama-sama Y.Bhg. Tan Sri Dato' Elyas Omar telah merencana dan meletakkan landasan kegemilangan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah menjadi setanding dengan bandaraya-bandaraya terkemuka di dunia.

Selepas Pilihanraya Umum Malaysia pada akhir tahun 1990, beliau telah ditukarkan dari Negeri Perak ke Negeri Kelantan pada Januari 1991. Tugas utama beliau ialah menubuhkan satu Jabatan Persekutuan, khusus untuk menjaga

kepentingan Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan. Jabatan ini adalah dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan dibawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Objektif utamanya adalah untuk merancang, mengesan, menyelaraskan dan melaksanakan

semua projek, program dan aktiviti Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan. Di antara lain, beliau juga dilantik sebagai Pengerusi, Majlis Pembangunan Negeri Kelantan, dan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan. Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor merupakan sebagai "Bapa" kepada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan yang terletak di Negeri Kelantan. Usaha yang diterajui oleh beliau semasa berkhidmat hampir empat tahun di Negeri Kelantan telah sedikit sebanyak berjaya mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan.

Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai 1 September 1994. Objektif utama beliau ialah untuk meningkatkan kecemerlangan dan kemantapan Pentadbiran Kerajaan di Pulau Pinang. Beliau berjaya menjalin hubungan yang rapat di antara kepimpinan politik negeri dengan pentadbiran negeri dan juga pentadbiran negara.

Pada tahun 1990, beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Darjah Paduka Citra Simanja

Kini (DPCM) oleh DYMM Sultan Perak dan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DPMN) oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 1995.

KPDN & HEP berbangga kerana dipimpin oleh seorang Ketua Setiausaha yang banyak pengalaman serta berwibawa. Sidang Redaksi juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan Y.Bhg. Datuk Samsudin semasa beliau bertugas di KPDN & HEP serta Selamat Maju Jaya dalam jawatan baru.



Y. Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor  
bin Abdul Rahim

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi  
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penasihat Pengarang

Prof. Mohd Hamdan Adnan  
Dr. Sothi S. Rachagan  
Encik Bisan Singh Bahadur

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee  
Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

## MELAKA JOHAN KUIZ PENGGUNA 1996

Sekolah Menengah Sains Muzafar Shah, Melaka telah muncul sebagai johan Pertandingan Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah 1996. Pertandingan Akhir Kuiz Pengguna telah diadakan pada 27 September 1996 di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Majlis dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Parlimen Kementerian, Datuk Tan Chai Ho, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan dan Konsumerisma) En. Mohd. Nor Hj. Mohd. Yassin dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Perancangan), Encik Idrus Omar.

Sekolah Menengah Sains Muzafar Shah, Melaka muncul sebagai johan Pertandingan Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah 1996.



Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah 1996 ialah kuiz pengguna bagi kali kelima yang dianjurkan oleh KPDN & HEP. Objektif-objektif Pertandingan Kuiz Pengguna ialah untuk:

\* Memberi dorongan dan galakan kepada penuntut-penuntut Sekolah menengah mendalami ilmu kepenggunaan.

\* Meningkatkan minat penuntut untuk menyertai Kelab Pengguna Sekolah Menengah agar menjadi pengguna yang rasional kelak.

\* Memberi galakan serta kesedaran kepada orang ramai tentang isu-isu dan maklumat kepenggunaan.

Semua Kelab Pengguna sekolah menengah layak menyertai Pertandingan Kuiz Pengguna. Pertandingan di peringkat Pusingan Awal dan Separuh Akhir diadakan pada 24 dan 25 September 1996 di Wisma Belia, Kuala Lumpur. Sebanyak 15 pasukan telah mengambil bahagian dalam Pusingan Awal. Daripada jumlah tersebut, lima pasukan melayakkan diri ke Peringkat

Separuh Akhir. Tiga pasukan melayakkan diri ke pertandingan akhir, iaitu Sekolah Menengah Sains Muzafar Shah; Sekolah Menengah Kebangsaan Marang, Terengganu dan Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan. Negeri Sembilan muncul sebagai Naib Johan Pertandingan Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah dan Terengganu mendapat tempat ketiga.

Johan Kuiz Pengguna telah menerima Piala Pusingan Kuiz Pengguna Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan, piala replika untuk sekolah, wang tunai RM1,000 untuk Kelab Pengguna Sekolah, buku-buku bernilai untuk Kelab Pengguna Sekolah, wang tunai RM1,000 dan Sijil Penyertaan untuk peserta serta Sijil Penghargaan untuk guru pengiring. Naib Johan menerima wang tunai sebanyak RM750, manakala pemenang ketiga, menerima wang tunai RM500.

## Seminar

### KE ARAH JUALAN LANGSUNG YANG BERETIKA

Kini, sudah tiga tahun lebih industri Jualan Langsung di negara ini dikawalselia di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Masanya sudah tiba bagi industri Jualan Langsung, pengurus-pengurus syarikat, pengedar-pengedar dan jurujual menilai pencapaian setakat ini, membincang isu-isu dan masalah berkaitan serta mencari penyelesaian untuk menghadapi cabaran-cabaran menjelang abad Ke 21.

Industri Jualan langsung kini merupakan aktiviti utama sektor borong dan runcit dan terus berkembang maju di negara ini selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara melebihi 8 % sejak sembilan tahun berturut-turut. Perubahan struktur dan format baru dalam perdagangan borong dan runcit menerusi pembukaan pasaraya, hypermarket, *speciality shops*, tidak nampak memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti jualan langsung. Malah, industri jualan langsung meningkat dari segi bilangan dan

turnover. Sehingga akhir Ogos 1996, sebanyak 929 lesen jualan langsung telah dikeluarkan. Ini adalah satu jumlah yang besar jika dilihat dari segi nisbah bilangan syarikat dengan penduduk negara ini.

Industri jualan langsung dikawalselia melalui pelesenan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Tujuan akta ini ialah untuk mengharamkan aktiviti jualan secara piramid, melindungi kepentingan pengguna dan mengawalselia industri jualan langsung agar dapat berkembang dengan lebih sihat dan teratur. Namun demikian, masih ada syarikat yang bertindak di luar etika moral, meraih keuntungan dengan sebanyak-banyak dan secepatnya.

Kementerian juga tidak akan meluluskan lesen jualan langsung kepada syarikat-syarikat baru yang bercadang untuk memasarkan bahan-bahan makanan tanpa kelulusan Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan.

Petikan Ucapan YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar di Perasmian Seminar Ke Arah Jualan Langsung Yang Beretika pada 10 September 1996.

Sempena menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-39, berikut ialah petikan artikel khas mengenai kepenggunaan oleh **Dzulkfley Zanudin** dalam akhbar *Berita Harian*, 31 Ogos 1996.

simen, besi dan keluli selain kenaikan bayaran tol Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di samping kenaikan bayaran perkhidmatan telefon dan Internet serta kos hidup, semua itu sebenarnya cabaran mengisi era pasca kemerdekaan yang harus bijak diatasi.

Namun, kita harus sedar sebagaimana yang diterangkan oleh Dr Mahathir bahawa untuk menikmati kemudahan lebih selesa, pengguna wajar sanggup membayar lebih kerana ia lebih memberi keselesaan, termasuk dalam isu mengenai kenaikan harga tol dan bayaran pembetulan Indah Water Konsortium (IWK).

Dalam hal ini, setiap pihak yang terbabit

# ERA PASCA MERDEKA KIAN MENCABAR

Tarikh keramat 31 Ogos 1957 terpatut pada ingatan setiap rakyat, terutama generasi lama negara ini sebagai Hari Kemerdekaan/Hari Kebangsaan yang membawa limpahan kemewahan dalam kegiatan hidup seharian.

Sebagai pengguna dan rakyat, kita wajar bersyukur kerana perubahan zaman dan masa membawa banyak kemewahan dan kesenangan sama ada dalam kehidupan harian, perkhidmatan awam, kemudahan asas, gaya hidup, pendidikan, riadah dan rekreasi, ibadah, kegiatan sosial, kesihatan serta pengangkutan.

Generasi lama yang lahir sebelum merdeka pasti teringat kepayahan ketika itu termasuk berjalan kaki ke sekolah, wang saku hanya suku setengah sen, gaji yang kecil dan hiburan sekadar radio.

Semua itu kini berubah dan menonjolkan kesenangan yang menunjukkan kemerdekaan membawa pembangunan dan kemewahan.

Pembangunan Malaysia agak pesat dan dilakukan secara berperingkat untuk memudahkan rakyat mengubah suai cara hidup dengan cabaran baru. Proses yang dilalui Malaysia agak singkat berbanding beberapa negara lain yang mencapai kemerdekaan lebih awal daripada kita.

Namun, pembangunan itu turut menimbulkan masalah moden yang dirasakan sama kebanyakan negara membangun dan negara maju di dunia. Misalnya, sebagai pengguna kesabaran dan kemampuan kewangan kita sering teruji oleh pelbagai isu kepenggunaan. Lantaran itu, cabaran perlu dijadikan peluang untuk membuktikan kemampuan dan kebijaksanaan kita menanganinya.

Bermula dengan isu kekurangan dan kenaikan harga ayam daging, diikuti tepung gandum, beras,

dalam pergerakan kepenggunaan, sama ada Kerajaan, media massa, peniaga atau pengguna sendiri perlu meningkatkan perkhidmatan dan tanggungjawab masing-masing kerana semuanya secara individu adalah pengguna.

Mungkin keselesaan dan kemakmuran selepas era mencapai kemerdekaan menyebabkan kebanyakan kita terutama generasi muda mulai leka dengan kemewahan itu.

Ini menimbulkan gejala terlalu manja dan tidak mampu berdikari atau mengerti erti kesusahan yang perlu dikikis jika kita ingin menjadi pengguna dan rakyat lebih bermutu dan bertanggungjawab.

Kita perlu memanfaatkan kegigihan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sentiasa berusaha mengurangkan beban kos hidup dan inflasi terhadap rakyat serta pengguna.

Misalnya, awal tahun ini Kerajaan, peniaga, pengguna dan media massa berikrar bersatu serta lebih komited menjayakan matlamat inflasi sifar, terutama membendung kenaikan harga barangan keperluan. Keberkesanan kempen berkenaan selama ini terbukti berdasarkan kadar inflasi negara turun dari 3.8 peratus pada 1994 kepada 3.5 peratus sehingga November 1995.

Pengguna sewajarnya sedar bahawa mereka perlu mengawal perbelanjaan serta jangan boros sebaliknya, mengamalkan penabungan untuk mengurangkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan dengan membeli mengikut keperluan, mengutamakan barang tempatan serta mengawal penggunaan kad kredit.

Peniaga pula harus menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan, jujur dan beretika di

samping mengelak amalan tidak sihat seperti menaikkan harga ketika musim perayaan, meraih keuntungan pada hari inflasi sifar, menjual stok lama atau menipu pelanggan.

Sementara itu, media massa boleh menyebar maklumat kepenggunaan kepada masyarakat, termasuk membongkar penyelewengan dan penipuan oleh peniaga seperti menjual barangan bermutu rendah, monopoli dan harga.

Kerajaan pula bertanggungjawab menstabilkan harga dengan mengkaji bekalan barangan dan permintaan kenaikan harga, mengawasi peniaga yang cuba meraih keuntungan pada musim perayaan dan meneruskan penguatkuasaan.

Dalam pada itu, Dr Mahathir ketika merasmikan **Hari Pengguna Sedunia 1996** dan pelancaran **Pertandingan Keluarga Hidup Selesa** berkata, perjuangan pengguna untuk menikmati keselesaan hidup akan lebih bermakna jika mereka sedar mengenai tanggungjawab sebagai pengguna dan pembekal.

Bagaimanapun, pengguna harus sedar mereka tidak akan tertipu jika kenaikan harga disertai dengan peningkatan kualiti seperti yang disaksikan sepanjang tempoh negara mencapai kemerdekaan. Ini kerana jika kualiti sama atau hasil kerja adalah sama, kenaikan harga atau upah bermaksud inflasi. Keadaan ini menyebabkan kita tidak dapat menikmati mutu hidup lebih baik jika perbelanjaan atau upah lebih tinggi.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) aspek kepenggunaan yang ditekankan adalah program peningkatan kesedaran dan perlindungan pengguna serta mewujudkan amalan perdagangan yang sihat dan beretika.

Mulai tahun ini juga, kerajaan melancarkan **Pertandingan Keluarga Hidup Selesa** untuk memilih keluarga berpendapatan kurang RM1,500 yang dapat menjalani hidup selesa dan bahagia agar diteladani oleh kebanyakan rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar berkata kerajaan yakin pertandingan itu membuktikan rakyat berpendapatan rendah iaitu kurang RM1,500 sebulan masih mampu menjalani hidup selesa dengan tunjangan terhadap empat keperluan asas iaitu makanan, tempat tinggal, pakaian dan pengangkutan.

Bagaimanapun, golongan itu perlu hemat berbelanja, membuat perancangan sebelum membeli, berbelanja mengikut kemampuan dan mengelak pembelian barangan tidak perlu atau berlebihan.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pertumbuhan ekonomi negara menjurus kepada paras yang lebih mapan pada suku pertama tahun ini dengan Keluaran Negara Kasar dianggarkan berkembang

pada kadar 8.3 %.

Kedudukan imbalan perdagangan juga bertambah baik dengan defisit bagi tempoh yang sama mencatatkan jumlah yang lebih rendah iaitu RM1.36 bilion berbanding RM1.72 bilion pada suku pertama 1995.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kadar pertumbuhan import turut menjadi lebih perlahan pada 14.9 % berbanding pertumbuhan eksport sebanyak 16.4 % pada suku pertama 1996.

Ini selaras usaha memenuhi tuntutan RM-7 yang menekankan pengurusan ekonomi makro yang kukuh untuk memastikan kestabilan harga dan imbalan akaun luar negara bagi mencapai pertumbuhan mapan dapat dikekalkan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Permintaan dalam negara seperti perbelanjaan ke atas barangan pengguna seperti kereta, televisyen dan peti sejuk berkembang dengan lebih perlahan.

Anwar berkata, di samping perkembangan positif yang dicatatkan dalam tempoh itu, ada juga petunjuk yang memerlukan usaha untuk terus mengawal permintaan dalam negara dengan tujuan membendung inflasi dan mengekalkan tabungan negara pada tahap yang tinggi.

Dalam hal ini, **Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia** yang masuk tahun ketujuh tahun ini boleh dijadikan saluran untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja dan pelatih Malaysia dalam bidang industri.

Minat Dr Mahathir terhadap pertandingan itu wajar dimanfaatkan generasi muda, pelatih dan pekerja mahir untuk meningkatkan dalam pelbagai bidang bagi mengisi keperluan Malaysia sebagai negara maju dan industri sepenuhnya menjelang 2020 menerusi Wawasan 2020.

Berikutan itu, semua pihak terbabit wajar memberikan latihan teknikal dan vokasional yang kompetitif dan dilengkapi kemahiran bagi melahirkan generasi baru tenaga kerja mahir. Ini disebabkan Malaysia memerlukan tenaga kerja yang memiliki kemahiran dalam pelbagai aspek.

Apabila memperkatakan soal ciptaan atau pembuatan barangan baru, langkah kerajaan menyediakan undang-undang khas berkaitan hak cipta untuk melindungi karya intelek di negara ini amat wajar bagi memastikan semua karya intelek oleh rakyat tempatan atau asing sentiasa terpelihara. Setakat ini, semua karya intelek dilindungi melalui Akta Hak Cipta 1987.

Kerajaan serius dalam soal penguatkuasaan undang-undang dalam soal harta intelek kerana mahu pelabur terus menanam modal di negara ini. Ini dapat memanfaatkan hak dan kepentingan rakyat untuk mempertingkatkan serta memperbaiki mutu mereka sebagai warga negara berguna pada era abad ke-21 sekaligus memberi makna kepada kemerdekaan yang dicapai selama ini.



Pejabat Pendaftar Perniagaan atau 'R.O.B' memasuki era komputer dalam tahun 1984 apabila satu sistem aplikasi komputer diwujudkan baginya dalam projek pengkomputeran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sistem komputer yang dibangunkan itu bagaimanapun agak terhad dari segi aplikasinya.

tahun 1995 dengan termetrinya perjanjian untuk membangunkan satu sistem pengautomasian fail perniagaan melalui sistem imaging yang diberi nama SAFARI.

SAFARI adalah satu sistem penyimpanan dokumen perniagaan menerusi kaedah *imaging*. Di bawah sistem ini, dokumen-dokumen itu akan disimpan dalam bentuk digital di dalam *optical disc* yang dikenali sebagai *image*. Pergerakan dokumen dan fail secara fizikal akan dikurangkan atau dihentikan. Sistem ini akan membawa 'R.O.B' kepada *paper-less office*.

## Sistem Pengautomasian Fail Perniagaan Pejabat Pendaftar Perniagaan Kuala Lumpur

Pada tahun 1986, 'R.O.B' mendapati bahawa sistem komputer yang telah dibangunkan itu perlu dikaji semula supaya ia menjadi lebih berguna dan dapat memberi manfaat yang optima.

Konsep sistem aplikasinya perlu diubah dari sistem *batch* kepada sistem *on line*. Dengan sistem aplikasi yang telah diubahsuai itu, 'R.O.B' mampu memberi perkhidmatan yang lebih cepat kepada pelanggannya. Sijil Akuan Pendaftaran Perniagaan dan petikan maklumat perniagaan berdaftar yang dahulunya ditaip oleh sekumpulan jurutaip boleh dikeluarkan serentak setelah maklumat sesuatu perniagaan itu di *key in* ke dalam komputer.

Pembaharuan Sijil Akuan Pendaftaran Perniagaan boleh dibuat secara *on line* dengan hanya meng *key in* nombor pendaftaran perniagaan. Peniaga atau kakitangan kaunter tidak perlu lagi mengisi borang sebagaimana diamalkan sebelum itu.

Pada tahun 1988, "R.O.B" telah memperkenalkan satu lagi perkhidmatan baru kepada peniaga-peniaga iaitu perkhidmatan memberi peringatan kepada peniaga supaya membaharui Sijil Akuan Pendaftaran Perniagaan yang akan luput tempoh lakunya. Komputer telah digunakan untuk mencetak surat-surat perniagaan itu.

### PENGAUTOMASIAN FAIL PENDAFTAR PERNIAGAAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH OPTICAL IMAGING

R.O.B melangkah setapak lagi ke dalam zaman elektronik dan peralatan komputer canggih pada

Pembangunan Sistem SAFARI melibatkan tiga modul/subsistem utama iaitu:-

#### a) *Intelligent Character Recognition (ICR) System*

Modul/subsistem ini berfungsi untuk mengumpul maklumat daripada borang-borang pendaftaran perniagaan. Pengumpulan data secara manual, iaitu *key-in* maklumat daripada borang-borang yang diterima oleh Pejabat Pendaftar Perniagaan akan dihentikan dan digantikan oleh kaedah elektronik menerusi proses pengimbasan (*scanning*), *Intelligent Character Recognition (ICR)* dan proses verifikasi.

Menerusi proses ini, dokumen perniagaan akan diimbas (*scan*) dan disimpan dalam bentuk digital. Proses pengimbasan ini akan membolehkan Sistem SAFARI 'membaca' maklumat daripada borang pendaftaran perniagaan dan oleh itu proses *key-in* tidak diperlukan lagi.

#### b) *Image Archival/Retrieval System*

Sistem ini berfungsi mengendalikan imej elektronik dan data borang-borang yang telah diimbas untuk disimpan di dalam *optical disc*. Imej ini boleh dicapai (dikeluarkan) pada bila-bila masa jika diperlukan dengan cuma memasukkan nombor pendaftaran perniagaan berkenaan. Melalui modul/subsistem ini salinan borang-borang yang disimpan dalam *optical disc* itu boleh dihantarkan secara terus

melalui *Facsmili* kepada pemohon tanpa fail dan dokumen itu dikeluarkan sama secara fizikal.

### c) Report/Certificate Generation System

Modul/subsistem ini berfungsi bagi mencetak sijil-sijil perniagaan, petikan maklumat perniagaan serta laporan statistik yang mengandungi jumlah perniagaan baru yang didaftarkan (**Borang 'A'**), jumlah perniagaan yang mendaftarkan perubahan (**Borang 'B'**), penamatan perniagaan (**Borang 'C'**) serta jumlah keseluruhan perniagaan berdaftar bagi tahun berkenaan. Pencetakan sijil dan petikan salinan maklumat perniagaan dilakukan secara *local* oleh sistem ini dan tidak bergantung lagi kepada komputer kerangka utama di Menara Maybank.

### PROSEDUR KERJA 'R.O.B' DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM SAFARI

Di bawah sistem SAFARI, borang permohonan mendaftarkan perniagaan akan diterima di kaunter hadapan 'R.O.B' seperti biasa bagi semakan. Petugas kaunter akan menggunakan kemudahan yang disediakan dalam Sistem SAFARI untuk melihat juga data perniagaan yang wujud dalam sistem komputer utama IBM di Menara Maybank. Petugas kaunter akan mengimbas (*scan*) borang-borang permohonan yang didapati sempurna untuk didaftarkan.

*SAFARI adalah satu sistem penyimpanan dokumen perniagaan menerusi kaedah imaging.*

*Image* borang yang telah diimbas (*scan*) akan dieksport secara automatik kepada *quality control work station*. Di sini, Sistem SAFARI akan mempamerkan *character* (huruf) yang dianggapnya tidak jelas. Petugas di *work station* ini akan membuat penentuan *character* sebenar, mengesahkannya atau meng*key-in character* yang betul.

Dari kualiti *work station*, *image* dokumen itu akan dieksport oleh sistem kepada *supervisor work station*. *Supervisor* di *work station* yang terdiri daripada Penolong Pendaftar Perniagaan berpuashati semua peraturan yang ditetapkan telah dipatuhi, *supervisor* ini akan membenarkan pendaftaran itu dengan hanya menekan *key* yang ditetapkan.

Sistem SAFARI akan mencetak Sijil Akaun Pendaftaran Perniagaan dan petikan butir-butir perniagaan apabila Penolong Pendaftar meluluskan pendaftaran sesuatu perniagaan itu. Sistem SAFARI selanjutnya akan menyimpan *image* borang dalam *disc* sementara butir-butir perniagaan itu dikumpulkan untuk dipungut oleh sistem

komputer kerangka utama IBM di Menara Maybank.

### JANGKAAN HASIL PELAKSANAAN SISTEM SAFARI

Jangkaan hasil daripada pelaksanaan sistem ini ialah:

#### *Penjimatan Ruang Pejabat.*

Sistem SAFARI membolehkan dokumen-dokumen perniagaan disimpan dalam bentuk elektronik apabila dilaksanakan sepenuhnya nanti. Oleh hal yang demikian, aktiviti yang bersangkutan dengan dokumen tidak lagi dirujuk kepada fail fizikal. Ini membolehkan fail disimpan di tempat lain dan seterusnya boleh menjimatkan ruang penyimpanan di Ibu Pejabat.

#### *Penjimatan Tenaga Kerja*

Proses kemasukan data yang kini diuruskan secara manual akan digantikan dengan kaedah pengimbasan (*scanning*) menerusi sistem *Intelligent Character Recognition* (ICR). Melalui sistem ini tenaga kerja dapat dikurangkan dan kesilapan menaip dapat diatasi. Ini membolehkan Pejabat Pendaftar Perniagaan mengagihkan sumber yang ada untuk menampung tugas-tugas operasi yang lain sememangnya memerlukan sumber tambahan.

#### *Memudahkan Proses Kerja*

Proses mendaftarkan perniagaan akan menjadi lebih ringkas di mana pegawai-pegawai hanya menyemak dokumen perniagaan menerusi komputer tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ini akan menjimatkan masa dan memudahkan lagi proses kerja di Pejabat Pendaftar Perniagaan.

#### *Kemudahan Perkongsian Penggunaan Fail Perniagaan*

Sistem SAFARI pada masa kini direkabentuk khas bagi membenarkan sesuatu fail perniagaan digunakan oleh beberapa pengguna di dalam satu masa. Ini akan menjimatkan masa di mana tindakan oleh pegawai yang berlainan ke atas satu fail perniagaan yang sama dapat dilaksanakan pada masa yang serentak.

#### *Keselamatan Fail Dan Dokumen Terjamin*

Masalah seperti kehilangan atau fail tidak dapat dikesan tidak akan timbul lagi kerana imej bagi dokumen berkenaan berada kekal pada bila-bila masa di dalam sistem penyimpanan fail SAFARI. Setiap fail akan dapat dikesan dengan kadar segera.

tahun 1997 dan di antaranya ialah:

- Kenderaan yang rosak di lebuhraya tidak dapat dibaikpulih oleh kerana hampir kesemua pengusaha woksyop memberhentikan operasi mereka;
- Kesesakan di lebuhraya adalah luar biasa dan boleh menjejaskan keselamatan para pengguna;
- Berlaku kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang-barang keperluan di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong-pelancong seperti Langkawi dan lain-lain;
- Kekurangan pengangkutan awam untuk membawa orang ramai pulang ke kampung telah menyebabkan berlaku penipuan dan kenaikan harga tambang teksi/bas;
- Berlaku gangguan bekalan tenaga elektrik dan air di beberapa kawasan di Lembah Kelang yang telah menjejaskan sambutan perayaan tahun baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri; dan
- Pengusaha-pengusaha stesen minyak menghadapi kesulitan untuk mendepositkan wang ke bank-bank kerana tidak ada kemudahan yang disediakan.

Oleh itu, Kementerian telah merangka tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menyambut perayaan tahun 1997 ini. Tindakan ini akan dilaksanakan dalam empat peringkat seperti berikut:

Peringkat **pertama**. Peringkat ini merupakan persediaan awal dan dilaksanakan pada bulan September 1996. Tindakan di bawah peringkat ini ialah mengenal pasti barang-barang keperluan terlibat dan membuat anggaran keperluan barang-barang tersebut.

Peringkat **kedua**. Tindakan ini yang akan dilaksanakan pada bulan Oktober dan November 1996 adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terlibat yang meliputi agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan peniaga. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak terlibat tindakan persiapan

yang perlu dijalankan;

Peringkat **ketiga** pula akan dilaksanakan pada bulan Disember 1996, iaitu membuat 'monitoring' ke atas 'trend' bekalan dan harga barangan serta mendapatkan maklumbalas daripada pihak-

pihak yang terlibat berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan;

Manakala, peringkat **keempat** dilaksanakan pada bulan Januari 1997 dan merupakan peringkat yang paling utama di dalam tindakan ini, iaitu untuk:

- ◆ Menggerakkan kempen persediaan musim perayaan kepada orang ramai dengan memperingatkan mereka supaya membuat persediaan awal;
- ◆ Mengadakan kempen berjimat-cermat kepada pengguna supaya tidak berbelanja berlebihan dan hanya membeli barangan yang benar-benar perlu sahaja;
- ◆ Mengadakan kempen kepada peniaga supaya lebih bertanggungjawab dan tidak membuat iklan atau promosi keterlaluan yang boleh mempengaruhi pengguna berbelanja berlebihan;
- ◆ Mempertingkatkan pemeriksaan fizikal untuk menentukan keadaan bekalan barang-barang keperluan adalah mencukupi dan harganya pula berpatutan; dan
- ◆ Membuat 'monitoring' kedudukan bekalan barang-barang keperluan perayaan dan mengambil tindakan segera mengatasi sebarang masalah yang berbangkit.

Sehubungan itu, bagi menentukan segala tindakan yang dirancang ini mencapai kejayaan, Kementerian meminta supaya pihak terlibat yang meliputi agensi-agensi Kerajaan, pihak-pihak swasta, syarikat-syarikat pembekal, persatuan-persatuan peniaga dan pihak-pihak lain untuk bekerjasama dan memberikan komitmen masing-masing.

Pihak swasta perlu lebih terbuka dan memainkan 'social obligation' mereka dalam membantu Kerajaan melaksanakan persediaan menyambut musim perayaan ini di samping menurunkan kadar inflasi ke paras yang terendah. Peranan ini boleh dilaksanakan oleh pihak swasta dengan tidak meningkatkan harga barangan sewenang-wenangnya. Seberapa yang boleh, pihak swasta perlulah menyerapkan sebarang kenaikan kos yang berlaku dan sekiranya kenaikan harga tidak boleh dielakkan, ia hendaklah di paras yang paling rendah dan hanya untuk menampung kenaikan kos sahaja. Di samping itu, pihak swasta juga boleh membantu Kerajaan untuk mencapai matlamat ini dengan tidak membuat promosi atau iklan yang keterlaluan yang boleh mempengaruhi pengguna untuk berbelanja berlebihan.

*Petikan Ucapan*

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
di Majlis Perjumpaan Bersama Pihak-Pihak Terlibat  
Di Dalam Persiapan Menyambut Perayaan Tahun  
Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri 1997  
pada 30 September 1996.

